 PELABUHAN KUANTAN MALAYSIA	<b>KAEDAH PEMATUHAN e-PENS</b> <b>LPKtn-ISMS-P1-13</b>	ISO/IEC 27001:2013
	<b>M/S : 1 / 5</b>	<b>Terbitan : 2</b>

1. Kaedah ini dibuat bertujuan memastikan Sistem e-PENS digunakan dengan berhemah dan berintegriti selaras dengan keperluan ISO/IEC 27001:2013 serta akta dan peraturan berkaitan ISPS Code.

2. Kaedah ini akan disemak sekurang-kurangnya sekali setahun bersesuaian dengan Semakan Pengurusan.

### 3. PENGGUNAAN SISTEM

3.1. Penggunaan Sistem e-PENS adalah tertakluk di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar Akta 1316, ISPS-Code, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.


3.2. Penggunaan Sistem e-PENS hanyalah terhad kepada batas fungsi dan akses yang dibenarkan kepada tahap penggunaan yang diizinkan.

3.3. Tujuan penggunaan adalah terhad dan tertakluk kepada jenis akaun seperti berikut;

- i. Pentadbir – Menguruskan pendaftaran, kemas kini dan penghapusan akaun pengguna
- ii. AMTSO – Menyemak dan mengesahkan maklumat pengisytiharan
- iii. AMFSO – Menyemak dan mengesahkan maklumat pengisytiharan
- iv. Pengguna – Membuat pengisytiharan pra ketibaan kapal
- v. Regulator– Merujuk maklumat pengisytiharan

### 4. HAD PEMILIKAN AKAUN PENGGUNA

4.1. Pemilikan akaun adalah terhad kepada penama yang didaftarkan sahaja selagi penama tersebut masih lagi bekerja dengan syarikat yang didaftarkan.

 PELABUHAN KUANTAN MALAYSIA	<b>KAEDAH PEMATUHAN e-PENS</b> <b>LPKtn-ISMS-P1-13</b>	ISO/IEC 27001:2013
	<b>M/S : 2 / 5</b>	<b>Terbitan : 2</b>

4.2. Pemilikan akaun pengguna tidak boleh dikongsi atau dipindah milik kepada pengguna lain sama ada dengan atau tanpa izin penama yang didaftarkan.

4.3. Penama yang didaftarkan bertanggungjawab melaporkan kepada LPKtn sekiranya telah bertukar tempat atau berhenti kerja dengan syarikat yang didaftarkan.

4.4. Majikan kepada penama yang didaftarkan perlu memastikan penama yang didaftarkan bagi pihak syarikat adalah bersih dari sebarang rekod jenayah. Pemilikan akaun dikira terbatal dan tidak sah sekiranya penama yang didaftarkan terlibat dengan kes jenayah. Majikan bertanggungjawab untuk memaklumkan perkara ini kepada LPKtn pada kadar segera.


## 5. TANGGUNGJAWAB DAN LIABILITI

5.1. Setiap pengguna e-PENS bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas mengikut fungsi jenis akaun yang dimiliki (Rujuk perkara 3.3)

5.2. Pengguna bertanggungjawab memastikan segala maklumat yang diisytiharkan adalah terkini dan benar pada tarikh dan masa pengisytiharan dibuat.

5.3. Pengguna bertanggungjawab menyediakan dokumen pengisytiharan yang bersesuaian dengan keperluan Sistem e-PENS.

5.4. Sebarang komunikasi yang berlaku di antara MTSO, MFSO, dan pengguna sistem adalah rahsia dan terhad kepada penama yang dihubungi sahaja.

 PELABUHAN KUANTAN MALAYSIA	<b>KAEDAH PEMATUHAN e-PENS</b> <b>LPKtn-ISMS-P1-13</b>	ISO/IEC 27001:2013
	<b>M/S : 3 / 5</b>	<b>Terbitan : 2</b>


5.5. Penama yang didaftarkan dan syarikat diwakilinya adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang ketidakakuran maklumat pengisytiharan dan implikasi perundangan, kewangan serta keselamatan yang berlaku disebabkan oleh ketidakakuran maklumat pengisytiharan.

5.6. Sekiranya terdapat kesilapan pada maklumat pengisytiharan, pengguna bertanggungjawab untuk membuat pembetulan maklumat pada kadar segera dan memaklumkan kepada MFSO dan MTSO.

## 6. AKSES

6.1. Akses kepada Sistem e-PENS hanya dibenarkan dibuat menggunakan komputer atau gajet milik persendirian, atau hak milik syarikat yang dikhususkan penggunaannya kepada penama yang didaftarkan atau dikhususkan untuk penggunaan Sistem e-PENS oleh syarikat.

6.2. Sekiranya penama yang didaftarkan terpaksa mengakses Sistem e-PENS melalui komputer awam, atau komputer yang dikongsi oleh pengguna lain, sila pastikan pelayar web tidak memilih untuk mengingati *username* dan *password* pengguna. Setelah selesai, sila log keluar dan padamkan maklumat pelayaran yang disimpan pada ruangan sejarah.

 PELABUHAN KUANTAN MALAYSIA	<b>KAEDAH PEMATUHAN e-PENS</b> <b>LPKtn-ISMS-P1-13</b>	ISO/IEC 27001:2013
	<b>M/S : 4 / 5</b>	<b>Terbitan : 2</b>

## 7. KEGAGALAN SISTEM

7.1. Sekiranya berlaku kegagalan Sistem e-PENS, pengguna bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Unit IT LPKtn ditalian 09-5858000 pada kadar segera.

7.2. Pengisytiharan secara manual perlu dibuat sekiranya kegagalan sistem berterusan melebihi 24 jam.


## 8. LATIHAN

8.1. Pengguna sistem bertanggungjawab untuk menghadiri sebarang latihan berkaitan penggunaan komputer dan internet secara umumnya serta kursus berkaitan ISPS dan penggunaan Sistem e-PENS secara khususnya sebelum mendaftarkan diri sebagai pengguna.

8.2. Penggunaan Sistem e-PENS untuk tujuan latihan keselamatan perlulah mendapat izin MTSO dan nama kapal yang diisytiharkan bagi tujuan latihan keselamatan perlulah dimulakan dengan initial EX (Nama Latihan) + Nama kapal. MTSO boleh menghapuskan maklumat pengisytiharan bagi tujuan latihan setelah latihan selesai.

## 9. PENGISYTIHARAN SELARI

9.1. Pengguna bertanggungjawab memastikan maklumat pengisytiharan yang dibuat melalui Sistem e-PENS adalah berpadanan dengan maklumat yang diisytiharkan kepada pihak berkuasa lain seperti Kastam, Imigresen, Jabatan Laut atau sistem pengisytiharan lain oleh LPKtn seperti e-DG.

 PELABUHAN KUANTAN MALAYSIA	<b>KAEDAH PEMATUHAN e-PENS</b> <b>LPKtn-ISMS-P1-13</b>	ISO/IEC 27001:2013
	<b>M/S : 5 / 5</b>	<b>Terbitan : 2</b>

## 10. PERHUBUNGAN

10.1 Sebarang permasalahan berhubung Pengisytiharaan e-PENS dan sistem hendaklah di maklumkan segera kepada MTSO.

10.2 Semua perhubungan diantara MTSO, agen dan agensi keselamatan yang berkaitan akan menggunakan ruangan mesej yang disediakan pada sistem.

## 11. LAIN-LAIN

11.1 Pengisytiharaan e-PENS hendaknya dilakukan dalam tempoh masa tidak kurang daripada 48jam sebelum kapal tiba dan 12 jam bagi kapal kapal yang tiba daripada pelabuhan yang jarak pelayarannya kurang daripada 48 jam .

11.2 MTSO bersama MFSSO dan agensi keselamatan berkaitan akan menaiki kapal ditahan pada "ISPS HOLDING AREA" untuk membuat pemeriksaan lanjut apabila terdapat matlumat yang diisytihar meragukan ataupun didapati palsu sebelum membenarkan kapal tersebut masuk sandar pelabuhan. Kos dan kerugian akibat daripadanya adalah ditanggung sepenuhnya oleh kapal bersangkutan

## 12. PENALTI

12.1 Jika pengguna kapal didapati melakukan kesalahan dalam membuat pengisytiharan maka agen tersebut boleh dikenakan tindakan iaitu disenarai hitamkan daripada melakukan sebarang urusan berkaitan e-PENS dengan Lembaga Pelabuhan Kuantan.